



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2015 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENGENAAN PENALTI DI BAWAH SUBSEKSYEN 112(3) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

1. PENGENALAN

- 1.1 Seksyen 77 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan kewajipan setiap orang selain daripada syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- 1.2 Seksyen 77A ACP pula memperuntukkan kewajipan setiap syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi untuk mengemukakan BNCP dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- 1.3 Kegagalan pembayar cukai mematuhi peruntukan seksyen 77 dan 77A ACP boleh menyebabkan penalti dikenakan menurut peruntukan subseksyen 112(3) ACP.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung dengan penganan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP ke atas pembayar cukai yang gagal mengemukakan BNCP dalam tempoh yang telah ditetapkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 77 dan 77A ACP.

3. TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN BNCP

3.1 Di bawah seksyen 77 ACP, tarikh akhir pengemukaan BNCP bagi orang selain daripada syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi adalah seperti berikut:

- (a) tidak lewat dari 30 Jun dalam tahun berikutnya selepas tahun taksiran itu bagi orang yang menjalankan suatu perniagaan; atau
- (b) tidak lewat dari 30 April dalam tahun berikutnya selepas tahun taksiran itu bagi orang yang tidak menjalankan perniagaan.

3.2 Seksyen 77A ACP pula memperuntukkan setiap syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi adalah dikehendaki mengemukakan BNCP dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh berikutan penutupan tempoh perakaunan yang terdiri daripada tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

3.3 Kategori pembayar cukai yang terlibat adalah seperti berikut :

Kategori Pembayar Cukai	Jenis Fail	Jenis Borang
Individu pemastautin – tidak menjalankan perniagaan	SG / OG	BE
Individu pemastautin – menjalankan perniagaan	OG	B
Individu bukan pemastautin	SG / OG	M
Harta Pusaka	T	TP
Pertubuhan	F	TF
Keluarga Sekutu Hindu	J	TJ
Syarikat	C	C
Koperasi	CS	C1
Badan Amanah	TA	TA
Amanah Unit	TC	TC
Amanah Pelaburan Harta Tanah	TR	TR
Amanah Perniagaan	TN	TN
Perkongsian Liabiliti Terhad	PT	PT

4. KADAR PENALTI

- 4.1 Menurut peruntukan subseksyen 112(3) ACP, sekiranya pembayar cukai gagal mematuhi peruntukan subseksyen 77(1) atau 77A(1), Ketua Pengarah boleh menghendaki pembayar cukai tersebut untuk membayar penalti 3 kali ganda cukai yang dikenakan bagi tahun taksiran tersebut.
- 4.2 Kadar penalti yang dikenakan bergantung kepada tempoh masa kelewatan mengemukakan BNCP dari tarikh ditetapkan seperti berikut :

Tempoh Masa Kelewatan	Kadar Penalti (%) Atas Cukai Yang Dikenakan
Sehingga 12 bulan	20
Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	25
Melebihi 24 bulan hingga 36 bulan	30
Melebihi 36 bulan	35

- 4.3 Tempoh tambahan/ lanjutan masa tidak diambil kira jika BNCP lewat atau gagal dikemukakan dalam tempoh tambahan/ lanjutan masa yang dibenarkan.

5. PENALTI TAMBAHAN

Subseksyen 112(4) ACP pula memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengenakan penalti tambahan menurut subseksyen 112(3) ACP berkenaan dengan apa-apa cukai tambahan kena dibayar bagi tahun taksiran dalam hal jika BNCP tidak dikemukakan oleh pembayar cukai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

5 Mac 2015